

04 MAR 2004

Kit Siang-Melaka

KIT SIANG YAKIN DAP TERUS MENYERLAH DI MELAKA

MELAKA, 4 Mac (Bernama) -- Pengerusi DAP, Lim Kit Siang yakin parti itu akan terus menyerlah di kawasan sini pada pilihan raya umum ke-11 nanti, berdasarkan kepada faktor tradisi.

"Sejak 1969, DAP sentiasa menang di sini dan saya rasa kesinambungan itu akan berterusan. Melaka merupakan kubu kuat kami.. " katanya kepada pemberita di sini selepas meninjau persiapan jentera parti itu di pejabat DAP Melaka di Jalan Malim di sini hari ini.

DAP menguasai parlimen Kota Melaka sejak 1969, dan pada pilihan raya 1999 lepas, ia berjaya menambah satu lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Melaka iaitu di Bachang, di samping berjaya mempertahankan DUN Tengkeru, Bandar Hilir dan Durian Daun.

Ditanya sekiranya beliau akan bertanding di kawasan Parlimen Ipoh Timur, Kit Siang, 63, berkata beliau akan menimbanginya secara serius.

"Bagaimanapun, jika anda (pemberita) mahukan jawapan sama ada saya akan bertanding di kawasan itu saya tidak akan memberitahunya pada masa ini," katanya.

Pada pilihan raya umum lepas, Kit Siang tewas di kawasan Parlimen Bukit Bendera serta DUN Kebun Bunga di Pulau Pinang, dan bekas ketua pembangkang tersebut kali ini disebut-sebut akan bertanding di kawasan parlimen Ipoh Timur yang kini disandang oleh Thong Fah Chong dari MCA.

Kit Siang berkata sebarang ketetapan mengenai kawasan yang akan ditandinginya adalah untuk kebaikan parti secara keseluruhan dan ia tidak harus di pandang sebagai kepentingan peribadi.

Mengenai peluang keseluruhan DAP pada pilihna raya umum kali ini, beliau berkata: "Kami dalam keadaan sedikit kekurangan, disebabkan oleh cetusan suasana rasa "feel good" oleh orang ramai yang rata-rata menyokong kepimpinan Perdana menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata keadaan pada masa kini seolah-olah sama sebagaimana pilihan raya umum pada 1982 apabila BN memperolehi kemenangan besar semasa Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad baru dilantik memegang tampuk pemerintahan.

-- BERNAMA

NO AZH